

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Galeria PjH, Aras 5, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
Tel : 03-88919000 Faks : 03-88919301

Ruj. Kami : JPPKK.BAPP.800-6/1/10 (5)
Tarikh : 2 Oktober 2020

**PENGARAH
POLITEKNIK MALAYSIA
KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**PENANGGUHAN PENDAFTARAN PELAJAR DAN PENGANJURAN
PROGRAM/AKTIVITI PELAJAR SECARA FIZIKAL/BERSEMUKA BERIKUTAN
WABAK COVID-19**

Dengan segala hormatnya surat no. rujukan JPPKK.BGK.600-1/1/1 Jld.2(04) bertarikh 25 September 2020 dan Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 02 Oktober 2020 adalah dirujuk.

2. Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK mengambil keputusan agar aktiviti-aktiviti berikut **DITANGGUHKAN** sehingga pengumuman baharu mengenainya dibuat:

- (i) Pendaftaran pelajar baharu secara fizikal/bersemuka
- (ii) Pergerakan balik ke kampus bagi pelajar senior
- (iii) Semua aktiviti/program yang melibatkan pelajar secara bersemuka sama ada di kampus atau di luar kampus

3. Sehubungan dengan itu, adalah disarankan agar aktiviti-aktiviti di perenggan 2(i), 2(ii) dan 2(iii) dilaksanakan secara atas talian.

4. Semua institusi juga adalah disarankan untuk mematuhi sepenuhnya peraturan, garis panduan, serta makluman rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan kenyataan media oleh Kerajaan Negeri masing-masing dari semasa ke semasa bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Perhatian YBrs. Dr./tuan/puan terhadap perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan amanah,


(NORANYZA BINTI MOHAMAD YUSOFF)

Pengarah

Bahagian Ambilan Dan Pembangunan Pelajar

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PENANGGUHAN PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL/BERSEMUKA PELAJAR IPT KEMASUKAN OKTOBER 2020

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dengan pandangan pelbagai pihak serta kebimbangan yang disuarakan oleh para pelajar, ibu bapa dan masyarakat dengan peningkatan kes COVID-19 yang berlaku hanya selang beberapa hari sahaja dari tarikh kemasukan pelajar baharu ke universiti.

KPT turut prihatin mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar, staf universiti dan semua pihak yang terlibat.

Justeru, KPT mencadangkan kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menangguhkan dahulu pendaftaran secara fizikal/bersemuka pelajar-pelajar baharu dan lama ke kampus. Semua urusan pendaftaran pelajar boleh dilaksanakan secara dalam talian, begitu juga aspek pengajaran dan pembelajaran sehingga pengumuman baharu mengenainya dibuat.

Keputusan menangguhkan pendaftaran secara fizikal/ bersemuka pelajar-pelajar yang terlibat perlu dibuat demi memelihara kesejahteraan dan keselamatan semua pihak.

Bagi pelajar yang telah berada di kampus dan sedang mengikuti aktiviti akademik, mereka boleh kekal berada di kampus masing-masing. Pihak IPT diminta membantu segala keperluan yang diperlukan oleh kumpulan pelajar ini.

Sebarang pertanyaan berkaitan pergerakan balik ke kampus serta sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dirujuk terus kepada IPT masing-masing.

KPT juga mencadangkan kepada semua IPT supaya menangguhkan semua program atau aktiviti yang melibatkan himpunan di dalam kampus.

KPT juga telah mengambil langkah proaktif berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi memohon mempertimbangkan penjadualan semula penerbangan pelajar-pelajar pulang ke kampus khususnya bagi mereka yang telah membeli tiket penerbangan pulang ke IPT masing-masing. Hasil rundingan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menjadualkan semula penerbangan pelajar sehingga 31 Disember 2020.

Keprihatinan dan kepekaan daripada semua pihak dalam menjaga hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan pelajar dan masyarakat amat diperlukan dalam menghadapi situasi semasa berkaitan pandemik COVID-19 ini.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
2 Oktober 2020



KETUA PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
Galeria PjH, Aras 5, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA


Tel: 03-8891 9009
Faks: 03-8891 9301

Ruj. Kami: JPPKK.BGK.600-1/1/1 Jid. 2(04)
Tarikh: 25 September 2020

PENGARAH BAHAGIAN
PENGARAH POLITEKNIK
PENGARAH KOLEJ KOMUNITI

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PEMATUHAN KEPADA ARAHAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)



Seema TP
Unit maklumat dan
kehadapan - the
M/S
1/10

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Rentetan daripada trend penularan wabak COVID-19 yang semakin meningkat, semua institusi di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti adalah disarankan untuk mematuhi sepenuhnya peraturan, garis panduan serta makluman rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan kenyataan media oleh Kerajaan Negeri masing-masing dari semasa ke semasa bagi mengekang penularan wabak COVID-19.
3. Sehubungan itu, pihak YBrs. Dr./tuan/puan perlu memastikan arahan ini dipatuhi di institusi masing-masing dan mengambil tindakan proaktif seperti yang disarankan. Selain itu, institusi perlu mengambil tindakan berikut:
 - i. Mengaktifkan bilik gerakan COVID-19 serta melaporkan status COVID-19 dari semasa ke semasa kepada pihak jabatan melalui Bahagian Governan dan Kecemerlangan.
 - ii. Memaklumkan kepada pihak jabatan sekiranya berlaku perubahan kepada mod pengajaran dan pembelajaran (PdP).

- iii. Tidak menggalakkan atau membenarkan warga institusi mengunjungi atau melawati kawasan yang berisiko tinggi COVID-19.
- iv. Melaksanakan disinfeksi dengan kerap dalam institusi serta mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya.
- v. Mengurangkan perhimpunan atau aktiviti dalam skala yang besar.

Perhatian YBrs. Dr./tuan/puan terhadap perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. Dr. MOHAMMAD NAIM BIN YAAKUB)

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi

s.k.

1. Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), JPPKK
2. Timbalan Ketua Pengarah (Governan), JPPKK
3. Pengarah Kanan (Akademik), JPPKK
4. Pengarah Kanan (Kompetensi), JPPKK